

Salaam,

Samada anda menyokong atau membantah, UIAM tidak tertakluk untuk menerimapakai pekeliling ini secara automatik. Tidak seperti IPTA yang lain, di mana IPTA lain ditubuhkan dengan Akta Universiti & Kolej Universiti, sedangkan UIAM ditubuhkan atas Akta Syarikat 1965. Sehubungan dengan itu, pemakaian pekeliling 150 hari cuti ini hanya akan berkuatkuasa sekiranya Majlis UIAM bersetuju dengan cadangan tersebut. Cadangan akan dibincangkan di dalam Mesyuarat 'Staff Service Board (SSB)', jika panel di dalam SSB (Chairman is Rector) bersetuju yang UIAM wajar menerimapakai pekeliling tersebut, maka cadangan itu akan dibawa ke dalam Majlis Meeting. (Sila ingat, Majlis meeting hanya bersidang 3 kali setahun- Chairman is the President).

Dan apabila Majlis UIAM bersetuju, barulah pekeliling tersebut akan dikeluarkan kepada umum (staf UIAM).

Jadi, persoalannya, ke mana anda ingin membantah?

Adakah ke KURNIA (untuk kakitangan support) atau ke PMA (pegawai)?

Mungkin, KURNIA boleh mencadangkan perkara ini, mana2 staf yang aktif dalam kurnia, boleh menyampaikannya, saya fikir. Samada, ia boleh dilaksanakan atau tidak, tertakluk pula kepada pihak Universiti. Saya fikir yang menjadi persoalan ialah, pihak kerajaan mahu mengurangkan cuti kepada 5 hari untuk kakitangan yang baru dilantik bermula 2hb Januari 2009. Mana2 kakitangan lama, tidak akan terlibat dengan pengurangan cuti ini.

Itupun jika pihak universiti kita mahu menerimapakai pekeliling ini. Saya tidak pasti tentang keputusan Majlis, cuma, kebiasaannya, SSB akan bersetuju.

Adalah lebih baik anda mengutarakan pendapat atau bantahan kepada saluran yang betul, samada melalui KURNIA atau PMA. Itupun jika pihak KURNIA dan PMA juga maklum tentang perkara ini.

Jika anda menghantar bantahan secara peribadi, anda perlu merujuk kepada peraturan2 dan undang2 sebagai staf universiti sebelum berbuat demikian.

norhaidzura wrote:

> -----Original Message-----

> From: mhamrir@iiu.edu.my [mailto:mhamrir@iiu.edu.my]

> Sent: Monday, December 15, 2008 8:16 AM

> To: norhaidzura@iiu.edu.my

> Subject: Re: Gantian cuti rehat 150 hari

>

>

>> Gantian cuti rehat 150 hari

>> PUTRAJAYA 12 Dis. - Bermula tahun depan, kakitangan awam boleh

>> mengumpulkan cuti Gantian Cuti Rehat (GCR) atau 'golden handshake'

>> sehingga 150 hari, pertambahan sebanyak 30 hari berbanding 120 hari

>> sekarang.

>>

>> Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam

>> (CUEPACS), Omar Osman berkata, pekeliling mengenai perkara itu akan

>> dikeluarkan tidak lama lagi.

>>

>> * Pada masa ini, kakitangan awam menikmati Gantian Cuti Rehat sebanyak 120

>> hari.

>>

>> * Satu keputusan yang baik walaupun dalam masa yang sama kerajaan

>> menetapkan mulai Januari 2009, kelayakan cuti tahunan bagi kakitangan awam

>> baru akan dikurangkan lima hari

>>

>> * GCR merupakan cuti tahunan yang dikumpulkan bagi digantikan dengan wang

>> apabila seseorang kakitangan awam itu bersara.

>>

>> * Ketika ini, kakitangan awam boleh mengumpulkan maksimum 15 hari cuti

>> tahunan mereka dalam setahun untuk dimasukkan dalam skim itu.

>>

>> * Katanya, ia bagi meningkatkan produktiviti sektor awam, sejajar dengan

>> peranan sektor itu sebagai nadi utama pembangunan negara.

>>

>> * MTUC anggap tidak rasional dan tidak sepatutnya dilaksanakan.
>>
>> * Keputusan berkenaan yang dilihat lebih merugikan kakitangan awam.
>>
>> * Kebajikan yang sedia ada untuk kakitangan awam sepatutnya tidak boleh
>> dikurangkan. Kerajaan seharusnya bertindak mempertingkatkan kebajikan
>> pihak berkenaan dan bukannya mengurangkan cuti tahunan mereka.
>>
>> @Anda sokong atau bantah.Sila reply untuk kita bawa ke meeting JCC,minggu
>> depan.
>> yazid